

11/10/1997

Hikmah di sebalik masalah ekonomi

HH

CUMA ada lebih dua bulan saja lagi bagi rakan kita di luar negara untuk menyelesaikan segala urusan membawa pulang kereta yang dibeli di sana.

Mulai 1 Januari 1998, kemungkinan ketika itu masuk hari kedua kita berpuasa Ramadan, keistimewaan pemberian lesen import (AP) kenderaan persendirian bagi orang perseorangan yang bermastautin di luar negara, akan ditarik balik. Pekeliling mengenai perkara itu sudah dikeluarkan dan diedarkan ke semua pejabat Miti, Matrade, Jabatan Penuntut Malaysia dan Mida di luar negara, baru-baru ini.

Langkah itu adalah antara usaha kerajaan untuk mengurangkan pengimportan barangan tertentu dalam usaha mengurangkan defisit imbalan negara. Difahamkan penarikan balik AP itu juga susulan kepada garis panduan 28 perkara diumumkan oleh Perbendaharaan bagi mengawal pembaziran perbelanjaan di kementerian, jabatan dan agensi.

Berikutan penarikan AP itu, pegawai kerajaan yang melanjutkan pelajaran, warga Malaysia yang bekerja atau bermastautin di luar negara, warga asing yang akan bekerja di Malaysia dan suami, isteri serta anak pegawai serta kakitangan (berpangkalan di Malaysia) yang berkhidmat di pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara, tidak dibenarkan membawa pulang kereta import.

Bagaimanapun kerajaan hanya mengekalkan keistimewaan pemberian AP kepada pegawai dan kakitangan kerajaan (berpangkalan di Malaysia) berkhidmat di pejabat Perwakilan Malaysia tetapi dengan satu syarat baru. Keistimewaan itu hanya dipertimbangkan untuk sebuah kenderaan persendirian dengan syarat kenderaan yang hendak dibawa masuk itu mesti didaftar atas nama pegawai berkenaan sekurang-kurangnya dua tahun ketika berada di luar negara.

Barangkali inilah antara berita terbaru yang menyedihkan bagi mereka yang berada di luar negara selain kejatuhan ringgit terutama bagi mereka yang sudah berkira-kira untuk membawa pulang sebuah kereta mewah tahun depan. Nampaknya mereka yang terbabit, boleh beli kereta itu untuk dipakai ketika berada di sana.

Kita harap mereka tidak begitu terkilan jika gagal bawa balik kereta import. Anggaplah ini satu daripada pengorbanan untuk membantu kerajaan menangani masalah ekonomi yang berlaku di Malaysia sekarang. Dengan tidak membelanjakan wang yang mereka miliki untuk membeli kereta di London, Paris atau di negara mana mereka berada, negara dapat menyelamatkan jutaan ringgit. Jika di sini, rakyat malah menteri pun sudah diarah untuk menggunakan barangan buatan sendiri, mereka di luar negara pun harus turut sama lebih-lebih lagi selepas agak lama menggunakan barangan buatan orang lain ketika di seberang laut!

Untuk lebih berkesan membantu kerajaan, mereka yang terbabit juga sewajarnya tidak membeli barangan lain seperti perabot dan aksesori rumah yang berjenama mewah untuk dihantar balik dengan puluhan kontena kapal ke Malaysia. Kita sebut perkara ini kerana jadi lumrah di kalangan mereka yang tinggal lama di luar negara untuk membeli bermacam-macam peralatan rumah dan dihantar pulang ke Malaysia ketika berada di sana.

Menyekat kemasukan kereta import ini memang ada baiknya terutama membabitkan AP persendirian. Kita sudah dengar macam-macam cerita pasal AP ini kerana ia mempunyai 'harganya' tersendiri.

Bagi pelajar kita di seberang laut, ramai tidak terfikir perbuatan membenarkan nama mereka digunakan oleh pihak tertentu bagi membawa masuk

kereta mewah ke Malaysia, sebagai rasuah. Mereka mungkin berkata, permit membawa pulang kereta selepas tamat belajar adalah hak mereka. Oleh itu, mereka boleh buat apa saja yang dirasakan wajar, sama ada beli kereta untuk dipakai sendiri, saudara mara atau membelinya untuk orang lain dengan menerima sedikit habuan berbelanja.

Ketam Batu masih ingat dua tahun lalu Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengadakan pertemuan dengan pelajar di London menegur mereka. Katanya, jika sejak menjadi pelajar lagi mereka sudah melakukan perbuatan itu yang dikategorikan sebagai rasuah, keadaan akan lebih buruk apabila balik ke tanah air dan memegang pelbagai jawatan termasuk jadi pemimpin. Ini kerana kisah pelajar di seberang laut membawa pulang Volvo, Mercedes Benz dan BMW, semacam kemestian. Rata-rata mereka yang balik ke tanah air berkata harganya lepas dicampur kos bawa dengan kapal, insurans dan cukai kastam, masih dianggap murah berbanding di sini. Itu memang betul. Mereka berkemampuan pasti tidak melepaskan peluang ini. Tetapi bagi yang tak terdaya pula, mereka dengan senang hati menawarkan diri membeli bagi pihak saudara mara atau sahabat handai.

Selain murah, kereta terpakai dari sanubari-baru belaka dan model yang belum dipasarkan di sini. Disebabkan dengan menggunakan nama seseorang untuk membawa pulang kereta macam itu membolehkan seseorang itu buat duit, ramailah puak tertentu ambil kesempatan. Dengan menawarkan beberapa ribu ringgit saja, sindiket itu membeli permit kereta yang dikeluarkan oleh Miti kepada penuntut kita untuk membawa masuk pelbagai model.

Tidak ramai yang berfikir kerja jual nama ini selain merumitkan dalam urusan pembelian dan dokumen lain, ia juga banyak risiko. Macam mana jika kereta yang mereka beli untuk orang lain itu apabila sampai di Malaysia dikesan sebagai kereta curi. Nasib tak baik, kereta yang sampai di Pelabuhan Klang itu dihantar balik ke London dan pelajar terbabit yang sepatut balik setelah tamat, terpaksa duduk sana lagi untuk disoal siasat polis.

Timbalan Perdana, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, kejatuhan ringgit dan kegawatan yang berlaku dalam ekonomi kita kini mempunyai banyak hikmahnya dan perlu dijadikan iktibar. Nampaknya, pelbagai masalah dan sindiket berhubung AP sejak berpuluh tahun lalu sehingga pernah beratus-ratus kereta terdampar di Pelabuhan Klang satu ketika, insya-Allah tidak akan timbul lagi selepas ini. Mungkin ini juga satu daripada hikmahnya.

(END)